

11 DEC 1999

Aziz-kemalangan

AZIZ SAMSUDDIN CEDERA, ISTERI MATI DALAM KEMALANGAN JALAN RAYA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Pendidikan yang baru dilantik, Datuk Abdul Aziz Samsuddin cedera manakala isterinya meninggal dunia dalam kemalangan kereta di km433 Lebuhraya Utara-Selatan dekat Rawang tengah hari ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Kubu Baharu Supt Azman Yusof berkata Datin Asmah Ali Hussain, meninggal dunia di tempat kejadian manakala Aziz dan anaknya Nafrizal, 27, mengalami cedera ringan.

Mereka sedang dalam perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur apabila kemalangan itu berlaku pada 11 pagi.

Azman berkata kereta pacuan empat roda jenis Toyota Prado itu dipandu oleh Nafrizal manakala Aziz duduk di sebelahnya dan Asmah dipercayai duduk di belakang Aziz.

"Kereta itu telah terlanggar pagar jalan di sebelah kiri dan tidak dapat dikawal sebelum terbabas ke dalam longkang di situ," katanya.

Aziz dibawa ke sebuah klinik di Rawang Country Homes dekat susur keluar lebuhraya itu manakala mayat isterinya dibawa ke Hospital Kuala Kubu Baharu.

Aziz, 62, adalah setiausaha politik kepada Perdana Menteri sebelum diumumkan sebagai timbalan menteri semalam. Beliau dilantik senator bulan lepas.

Azman berkata, Aziz dan Nafrizal dipercayai diselamatkan oleh beg angin keselamatan kereta itu.

Mereka kemudian mendapatkan rawatan lanjut di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC).

Asmah dipercayai mengalami kecederaan dalam kepala.

Jenazahnya dibawa pulang ke kediaman mereka di No. 8, Jalan Opu, Daeng Merewah 1, Seksyen 9/3A Shah Alam, pada pukul 4 petang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datin Seri Hendon Mahmud serta Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar dan isteri, adalah antara mereka yang telah menziarahi jenazah Asmah.

Dr Mahathir, yang tiba pada pukul 5 petang, berada di situ selama setengah jam.

Aziz dan anaknya Nafrizal, masih menerima rawatan di SJMC.

Tidak lama selepas Perdana Menteri pulang, Aziz tiba ke rumah bersama anaknya.

Aziz, kelihatan berbaring di atas kereta sorong hospital manakala Nafrizal pula dapat berjalan sendiri dengan hidungnya kelihatan bertampal.

Yang turut menziarahi jenazah Asmah ialah anggota Parlimen Gombak Datin Paduka Zaleha Ismail, bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata, Aziz dan anaknya cuma mengalami cedera ringan.

Bercakap kepada pemberita selepas mengiringi Dr Mahathir melawat Aziz dan anaknya yang dirawat di SJMC, beliau berkata Aziz dan anaknya cuma mengalami sedikit gegaran di kepala dan kaki yang terseliuh ekoran kemalangan itu.

Abdullah dan isteri serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman turut melawat Aziz di pusat perubatan itu.

-- BERNAMA
SLR AZH AKT MAI